

26 MAC 2018

15 kawasan berisiko kes dadah

15 kawasan berisiko kes dadah

Seremban: Agensi An-

tidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan mengenal pasti 15 kawasan di negeri itu sebagai paling berisiko kerana mencatatkan bilangan kes penyalah-

gunaan dadah paling tinggi.

Pengarahnya, Nazira Sadiron berkata, kawasan terbabit ialah Batu Kikir, Bahau, Rompin dan Ladang Gaddes di Jempol, Senawang, Paroi, Rahang, Sikamat dan Seremban 2 (Seremban), Gemas dan Gemencheh (Tampin), Telok Kemang dan Lukut (Port Dickson), selain beberapa lokasi di Rembau dan Kuala Pilah.

Sehubungan itu, katanya, AADK akan terus memperhebatkan program pencegahan dan penguatkuasaan bagi memerangi habis-habisan kegiatan dadah di negeri ini.

"Usaha pemutihan kegiatan penyalahgunaan dadah di kawasan berisiko tinggi memerlukan komitmen semua pihak, terutama masyarakat peringkat akar umbi sendiri.

"Sudah tiba masa masyarakat mengubah sikap tidak ambil pe-

duli dan tidak menganggap permasalahan dadah hanya terletak pada kerajaan, khususnya AADK jika mahu melihat negeri dan negara ini bebas dadah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Program Kesihatan Tanpa Dadah dan Pelancaran Kotak Aduan di Pusat Komuniti Taman Jasmin Senawang, di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paroi Mohd Ghazali Abd Wahid dan turut dihadiri Ketua AADK Daerah Seremban Haspalila Husain.

Mengenai kotak aduan, Nazira berkata, program itu diperkenalkan bagi memudahkan orang ramai menyalurkan aduan dan maklumat mengenai kegiatan penyalahgunaan dadah di tempat mereka.

"Petugas AADK akan mengambil aduan daripada kotak berkenaan setiap hari untuk tindakan. Selain aduan, masyarakat juga boleh menyalurkan cadangan membina kepada AADK," katanya.



MOHD GHAZALI (kiri) dan NAZIRA (kanan) meletakkan Kotak Aduan di Pusat Komuniti Taman Jasmin, semalam.